



GARIS PANDUAN 5

PERMOHONAN PENYELENGGARAN DAN MENAIKTARAF MASJID DAN SURAU

**MASJID DAN SURAU
NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN 2016

GARIS PANDUAN 5

PERMOHONAN PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF MASJID DAN SURAU

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam menguruskan permohonan penyelenggaraan dan menaiktaraf masjid dan surau di Negeri Pulau Pinang.

2. RUJUKAN

2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004

2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

3. SINGKATAN

AJK	: Ahli Jawatankuasa
JHEAIPP	: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKR	: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
JMNPP	: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
MAINPP	: Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
PMS	: Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

4. PENYELENGGARAAN

- 4.1 Penyelenggaraan bermaksud pembaikan kecil yang tidak melibatkan perubahan struktur.
- 4.2 Tidak memerlukan kelulusan MAINPP, Jawatankuasa boleh membuat pembaikan kecil di bawah peruntukan Tabung Masjid atau sumbangan orang ramai melalui mesyuarat jawatankuasa.
- 4.3 Jawatankuasa perlu mendapatkan sekurang-kurang 3 (tiga) sebutharga daripada pembekal.
- 4.4 Jawatankuasa hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah, JHEAIPP dan MAINPP.

5. **MENAIKTARAF**

- 5.1 Menaiktaraf bermaksud pembaikan yang melibatkan perubahan material kepada struktur bangunan. Ianya memerlukan kelulusan bertulis daripada MAINPP.
- 5.2 Jawatankuasa hendaklah membuat permohonan dengan mengisi Borang 5(a) bagi Masjid dan borang Borang 5(b) bagi Surau.
- 5.3 Jawatankuasa mengemukakan borang yang lengkap diisi kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah.
- 5.4 Jawatankuasa mendapatkan ulasan dan pengesahan daripada JHEAIPP/JKR (jika perlu).
- 5.5 Jawatankuasa Kariah/Surau mengadakan mesyuarat bersama Pegawai Tadbir Agama Daerah, Bahagian PMS dan Unit Pembangunan JHEAIPP.
- 5.6 Pegawai Tadbir Agama mengemukakan permohonan (kertas cadangan) kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan dari sudut hukum. Satu salinan kertas cadangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian PMS, JHEAIPP.
- 5.7 Pegawai Tadbir Agama mengemukakan permohonan kepada MAINPP untuk memperolehi kelulusan menaiktaraf masjid/surau. Satu salinan kertas cadangan dikemukakan kepada Bahagian PMS, JHEAIPP.
- 5.8 Kerja menaiktaraf boleh dimulakan setelah Surat kelulusan MAINPP dikeluarkan.
- 5.9 Jawatankuasa perlu mendapatkan sekurang-kurang 3 (tiga) sebutharga daripada pembekal jika menggunakan sumber Tabung Masjid atau sumbangan orang ramai.
- 5.10 Jawatankuasa hendaklah memantau kerja menaiktaraf yang menggunakan peruntukan Tabung Masjid atau sumbangan orang ramai.
- 5.11 Pembiayaan menaiktaraf melalui derma /wakaf individu hendaklah didepositkan ke dalam Akaun Tabung Amanah Majlis atau Tabung Masjid.